

24 JUL 1996
Mahathir-Isyarat
PM SEDIA TERUS TERAJUI KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kesediaan untuk terus menerajui kerajaan selagi diperlukan.

Namun demikian Perdana Menteri berkata, beliau juga sedia mengundurkan diri apabila ada isyarat yang jelas untuk berbuat demikian.

"Susah sikit nak tahu bila orang tak suka pada kita. Tapi saya minta kepada Tuhan dan rakan-rakan dalam kerajaan supaya dapat memberi maklumat yang jelas, saya akan 'step down' (berundur)," katanya pada Jamuan Makan Perdana di sini, sempena 15 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, penganjur majlis itu bersama anggota jemaah menteri yang lain, sudah terlebih dahulu menyatakan taat setia beliau dan rakan-rakan dalam kerajaan kepada Dr Mahathir.

Dalam ucapannya, Anwar menyatakan kesetiaan itu melalui serangkap pantun berbunyi:

Angkut-angkut terbang ke langit,
Mati disambar anak merbah;
Tertangkap bumi dengan langit,
Setia kita tidak akan berubah.

Perdana Menteri berkata, jika perkhidmatannya masih diperlukan, beliau meminta rakan-rakan dalam kerajaan supaya menyembunyikan isyarat itu (isyarat untuk berundur).

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata, beliau serba-salah untuk menghadiri majlis itu kerana bimbang dianggap sudah terlalu lama menerajui kerajaan.

"Saya sebenarnya cuba lupakan saya sudah berada 15 tahun (kerana) takut orang kata sudah terlalu lama," katanya disambut gelak ketawa kira-kira 600 dif.

Mereka terdiri daripada Menteri, bekas Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar, Ketua Menteri, anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara, ketua dan pemimpin parti-parti pembangkang serta ketua-ketua jabatan.

Dr Mahathir juga menyatakan kegembiraannya kerana para pemimpin parti pembangkang turut sudi menghadiri majlis itu.

Perdana Menteri berkata, kehadiran para pemimpin parti pembangkang jelas menunjukkan perpaduan kukuh rakyat negara ini walaupun terdapat perbezaan pendapat antara mereka.

Katanya, di sesetengah negara perbezaan pendapat antara parti kerajaan dan pembangkang boleh mencetuskan peperangan dan pembunuhan.

"Di Malaysia, bila kita tak bersetuju, kita cuma cakap-cakap saja," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin parti pembangkang yang hadir itu.

Katanya, masa depan negara akan lebih cerah jika sikap yang ditunjukkan oleh semua pihak pada majlis itu berterusan.

Anwar berkata, anggota kerajaan dan rakyat berasa kasih dan menghormati Dr Mahathir sebagai pemimpin dan Perdana Menteri yang telah berjaya menebus maruah bangsa, mengembalikan keyakinan diri dan menyuburkan sifat yang memungkinkan bangsa bergerak menuju kecemerlangan.

Katanya, dasar-dasar pembaharuan ekonomi yang diperkenalkan Dr Mahathir sejak 15 tahun lepas telah secara beransur-ansur membebaskan Malaysia daripada pergantungan kepada kuasa-kuasa ekonomi negara maju.

Anwar berkata, Dr Mahathir juga telah menjadi pembela nasib

negara-negara membangun yang masih dicengkam sistem ekonomi dunia yang tidak adil.

"Suatu bangsa akan menjadi agung hanya apabila pemimpin memiliki wawasan keagungan dan rakyat bersama beliau untuk mencapai keagungan itu," katanya.

Anwar berkata, beliau merupakan antara jutaan rakyat yang percaya dan yakin kepada wawasan Dr Mahathir.

"Malah kerana Datuk Seri Dr Mahathir dan wawasannya itulah saya membulatkan tekad menyertai kerajaan 14 tahun lalu," katanya sambil mengungkapkan serangkap lagi pantuni:

Kalau tidak kerana kilauan,
Tidak terlihat ikan di kali;
Kalau tidak kerana tuan,
Mana mungkin saya di sini.

-- BERNAMA

AH AFY NMO